



Ruj Kami : ANM.SEL.A.100-1/3/1-1 JLD 2 (11)

Tarikh : 17 September 2026

**Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

AKTIVITI PENUTUPAN AKAUN BULAN SEPTEMBER 2026

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Bagi tujuan penutupan akaun bulanan bagi bulan **September 2026**, PTJ di bawah seliaan JANM Negeri Selangor hendaklah memastikan semua proses bayaran, terimaan, panjar, dan transaksi perakaunan di peringkat PTJ diselesaikan dengan sempurna **selewat-lewatnya pada 30 September 2026**.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama surat ini dikepilkan **Lampiran A** yang memperincikan senarai tindakan yang perlu diambil oleh PTJ dalam tempoh penutupan akaun bulanan ini. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan memastikan pematuhan terhadap tarikh-tarikh yang telah ditetapkan bagi melancarkan proses penutupan akaun bulan ini.

4. Sekiranya terdapat sebarang persoalan berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai di bawah ataupun ajukan pertanyaan ke **link telegram** bagi hebahan-hebahan di bawah JANM Negeri Selangor iaitu **https://t.me/iGFMAS_AOSGR**.


Bil.	Nama	Unit	Nombor Telefon	Alamat e-mel (.....@anm.gov.my)
1.	En. Muhammad Ariff Mustaqim Bin Mohd Yusoff	Pengurusan Dana	03 5520 5280	ariffmustaqim.yusoff
2.	Pn. Nurul Huda Binti Mohammad Sanif	Pengurusan Dana	03 5520 5290	huda.sanif
3.	Pn. Noraini binti Azeman	Pengurusan Dana (Bayaran)	03 5520 5337	noraini.azeman
4.	Pn. Aidanani binti Sabri	Pengurusan Dana (Terimaan)	03 5520 5291	aidanani.sabri

Bil.	Nama	Unit	Nombor Telefon	Alamat e-mel (.....@anm.gov.my)
5.	En. Mohamad Rushdie Bin Mohammed	Akaun	03 5520 5322	rushdie
6.	Pn. Dewifikhri Binti Hassan	Akaun	03 5520 5311	dewifikhri
7.	Pn. Norsuzila Binti Misbah	Akaun	03 5520 5270	norsuzila.misbah

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat kami hargai.
Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(**SHAHNAZ BIN ABD SALAM** C.A.(M), CPA(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Selangor
No. Tel.: 03 5520 5201
E-mel: pneg_sgr@anm.gov.my

GARIS PANDUAN PENUTUPAN AKAUN BULAN SEPTEMBER 2026

(1) PROSES PEMBAYARAN

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ
1.	Memastikan pembayaran bil diselesaikan dalam tempoh 14 hari - AP103(a) .	i) Laporan Bil / Invois (AP103) ii) Laporan Kelewatan Bayaran Bil / Invois	PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a) ;
2.	Tindakan Peraku 2 Arahan Pembayaran.		PTJ perlu memastikan dokumen Arahan Pembayaran: i) diselesaikan sehingga tindakan peraku 2 selewat-lewatnya pada pukul 2.00 petang, 30 September 2026 (Rabu) . Tindakan peraku 2 bagi dokumen Arahan Pembayaran selepas waktu tersebut adalah tidak dibenarkan; dan ii) tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan mulai pukul 12.01 tengah malam, 1 Oktober 2026 .
3.	Nombor EFT dijana pada setiap Arahan Pembayaran yang telah sempurna.		PTJ perlu memastikan nombor EFT dijana pada setiap Arahan Pembayaran yang telah sempurna (status 80) dengan cara mencetak dokumen berkenaan.
4.	Semakan status penerimaan bekalan & perkhidmatan (GRN/FRN) Menyemak GRN/FRN yang belum selesai sehingga pembayaran.	i) Laporan Pesanan Kerajaan (semua status) ii) Laporan Tanggungan Belum Selesai Pesanan Kerajaan iii) Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan	PTJ perlu memastikan: i) pembayaran diproses menggunakan modul Arahan Pembayaran Dengan Pesanan dan tidak boleh menggunakan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan ; dan ii) sekiranya GRN/FRN tersebut telah dibuat bayaran

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ
		Yang Telah Lengkap (Semua transaksi bagi PO berstatus 80)	menggunakan modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan, GRN/FRN tersebut perlu dibatalan dengan serta-merta ; dan iii) GRN/FRN yang telah berstatus 80 perlu diselesaikan bayarannya dengan segera iaitu dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil diterima .

(2) PROSES TERIMAAN

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ
1.	Resit yang telah dikeluarkan tetapi belum disempurnakan dengan Penyata Pemungut. Menyemak resit yang belum disempurnakan sehingga ke Penyata Pemungut.	Laporan Buku Tunai Cerakinan	PTJ perlu memastikan supaya: i) penyata pemungut disediakan dengan kadar segera bagi semua resit yang telah dikeluarkan; ii) wang tunai/cek (atau lain-lain mod terimaan) yang belum dibankkan diselesaikan segera selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 78(a), (b), (c) dan (d); dan sekiranya terdapat resit yang perlu dibatalan, pembatalan resit hendaklah dibuat segera melalui Baucar Jurnal Pembatalan Resit selewat-lewatnya pada pukul 2.00 petang, 29 September 2026 (Selasa) .
2.	Tindakan Perakuan 2 Penyata Pemungut.		PTJ hendaklah memastikan: i) semua terimaan sehingga 29 September 2026 (Selasa) diselesaikan sehingga Penyata Pemungut peraku 2

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ
			selewat-lewatnya pada 30 September 2026 (Rabu) dan dibankkan pada hari yang sama; ii) berhubung perkara (i) di atas, PTJ dikehendaki untuk hadir ke bank selewat-lewatnya pada 30 September 2026 (Rabu) sebelum jam 2.00 petang; dan iii) terimaan pada 30 September 2026 (Rabu) hendaklah diselesaikan sehingga Penyata Pemungut peraku 2 selewat-lewatnya pada 1 Oktober 2026 (Khamis) dan dibankkan pada hari yang sama.
3.	Invoice Open Item (A0481101) - Menyemak status invois (AR) yang masih belum diterima bayaran. - Invois (AR) yang masih belum diterima bayaran akan menyebabkan lejar A0481101 ABT (<i>Ongoing Receivables</i>) berstatus <i>open item</i>.	Laporan Invois Terperinci	PTJ hendaklah memastikan: i) resit yang hendak dikeluarkan dipadankan dengan invois (AR) open item yang berkenaan dan tidak menggunakan resit OTC jika invois telah dikeluarkan bagi terimaan tersebut; dan ii) Laporan Invois Terperinci serta maklumat transaksi yang diedarkan oleh Pejabat Perakaunan disemak secara berkala. iii) maklumat transaksi yang diedarkan oleh Pejabat Perakaunan disemak bagi transaksi selain DZ yang menggunakan kod A0481101 ABT (<i>Ongoing Receivables</i>) dan dibuat pelarasan ke kod akaun yang betul.

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMS)	TINDAKAN PTJ
			Sekiranya terdapat invois yang perlu dibatalkan, PTJ hendaklah memastikan: i) pembatalan invois tahun semasa hendaklah dibuat segera melalui Baucar Jurnal Batal Invois; dan ii) mendapatkan kelulusan Pejabat Perakaunan bagi pembatalan invois tahun-tahun lalu dengan menggunakan Lampiran A : Borang Permohonan Pembatalan Invois Tahun Lepas. Nota: Pengeluaran invois bagi caj kod dana selain hasil dan amanah adalah tidak dibenarkan.
4.	Cek Tak Laku (CTL) (A0311101) • Menyemak CTL yang belum diterima penggantian. • CTL yang masih belum diterima penggantian akan menyebabkan lejar A0311101 (Terimaan Tak Ditunai) berstatus <i>open item</i>.	Laporan Cek Gantian & Tanpa Gantian.	PTJ bertanggungjawab untuk memastikan: i) CTL dikutip balik dengan kadar segera dan mengelakkan tunggakan. Sila rujuk Lampiran G1, SPANM 3 / 2025 – Tatacara Penggantian Cek Tak Laku; ii) resit gantian yang hendak dikeluarkan dipadankan dengan <i>open item</i> CTL dan tidak menggunakan resit OTC; dan iii) CTL sentiasa dipantau dan diselenggara selaras dengan AP 76(b).

LAMPIRAN A

(3) PANJAR WANG RUNCIT

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMS)	TINDAKAN PTJ															
1.	Menyelesaikan semua dokumen panjar (status 80) sebelum 29 September 2026 (Selasa) .	i) Laporan Senarai Dokumen bagi Proses Panjar Belum Selesai ii) Laporan Buku Wang Runcit iii) Buku Tunai Akaun Panjar	PTJ hendaklah memastikan semua dokumen panjar yang berkenaan diselesaikan mengikut tarikh yang ditetapkan seperti berikut: <table><tr><th>Bil</th><th>Dokumen</th><th>Tarikh Akhir</th></tr><tr><td>i)</td><td>Baucar Kecil (Kew.50/Kew.50E)</td><td>22/09/2026</td></tr><tr><td>ii)</td><td>Penerimaan Lain-lain</td><td>22/09/2026</td></tr><tr><td>iii)</td><td>Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar</td><td>24/09/2026</td></tr><tr><td>iv)</td><td>Penerimaan Rekupmen Panjar (sila gunakan Kod Dana G000)</td><td>28/09/2026</td></tr></table>	Bil	Dokumen	Tarikh Akhir	i)	Baucar Kecil (Kew.50/Kew.50E)	22/09/2026	ii)	Penerimaan Lain-lain	22/09/2026	iii)	Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar	24/09/2026	iv)	Penerimaan Rekupmen Panjar (sila gunakan Kod Dana G000)	28/09/2026
Bil	Dokumen	Tarikh Akhir																
i)	Baucar Kecil (Kew.50/Kew.50E)	22/09/2026																
ii)	Penerimaan Lain-lain	22/09/2026																
iii)	Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar	24/09/2026																
iv)	Penerimaan Rekupmen Panjar (sila gunakan Kod Dana G000)	28/09/2026																
2.	Menyemak baki Buku Wang Runcit dan tunai di tangan.	Laporan Buku Wang Runcit	PTJ hendaklah memastikan baki Buku Wang Runcit adalah sama dengan baki tunai di tangan pada 30 September 2026 . PTJ juga hendaklah mencetak, menyemak, dan mengesahkan Laporan Buku Wang Runcit seperti pada 30 September 2026 bermula 1 Oktober 2026 untuk simpanan fail PTJ.															
3.	Menjana dan mengesahkan Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit bagi bulan September 2026 .	Sijil Perakuan Panjar	PTJ hendaklah menjana Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit seperti pada 30 September 2026 bermula 1 Oktober 2026 untuk simpanan fail PTJ.															

LAMPIRAN A

(4) PANJAR KHAS

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ															
1.	Menyelesaikan semua dokumen panjar (status 80) sebelum 29 September 2026 (Selasa) .	i) Laporan Senarai Dokumen bagi Proses Panjar Belum Selesai ii) Laporan Buku Tunai Akaun Panjar	PTJ hendaklah memastikan semua dokumen panjar yang berkenaan diselesaikan mengikut tarikh yang ditetapkan seperti berikut: <table><tr><th>Bil</th><th>Dokumen</th><th>Tarikh Akhir</th></tr><tr><td>i)</td><td>Baucar Kecil (Kew.50/Kew.50E)</td><td>22/09/2026</td></tr><tr><td>ii)</td><td>Penerimaan Lain-lain</td><td>22/09/2026</td></tr><tr><td>iii)</td><td>Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar</td><td>24/09/2026</td></tr><tr><td>iv)</td><td>Penerimaan Rekupmen Panjar (sila gunakan Kod Dana G000)</td><td>28/09/2026</td></tr></table>	Bil	Dokumen	Tarikh Akhir	i)	Baucar Kecil (Kew.50/Kew.50E)	22/09/2026	ii)	Penerimaan Lain-lain	22/09/2026	iii)	Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar	24/09/2026	iv)	Penerimaan Rekupmen Panjar (sila gunakan Kod Dana G000)	28/09/2026
Bil	Dokumen	Tarikh Akhir																
i)	Baucar Kecil (Kew.50/Kew.50E)	22/09/2026																
ii)	Penerimaan Lain-lain	22/09/2026																
iii)	Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar	24/09/2026																
iv)	Penerimaan Rekupmen Panjar (sila gunakan Kod Dana G000)	28/09/2026																
2.	Menyemak baki Buku Tunai Akaun Panjar dan tunai di tangan dan di bank.	Laporan Buku Tunai Akaun Panjar	PTJ hendaklah memastikan baki Buku Tunai Akaun Panjar adalah sama dengan baki tunai di tangan dan di bank pada 31 September 2026. PTJ juga hendaklah mencetak, menyemak, dan mengesahkan Laporan Buku Tunai Akaun Panjar seperti pada 30 September 2026 bermula 1 Oktober 2026 untuk simpanan fail PTJ.															
3.	Menjana dan menyediakan Sijil Perakuan Panjar Khas bagi bulan September 2026 .	Sijil Perakuan Panjar	PTJ hendaklah menyediakan Sijil Perakuan Panjar Khas bulan September 2026 dan mengemukakannya bersama Penyata Penyesuaian Panjar Khas dan Penyata Penyesuaian Bank Akaun Panjar serta Sijil Pengesahan Baki/Penyata Bank kepada Bahagian Akaun Kementerian selewat-lewatnya pada 14 Oktober 2026.															

(5) AKAUN PENYELESAIAN EMOLUMEN

BIL	PERKARA	TINDAKAN PTJ
1.	Pengosongan Akaun Penyelesaian	PTJ bertanggungjawab untuk memastikan akaun penyelesaian berikut dikosongkan melalui pelarasan ke kod akaun sebenar atau proses pembayaran diselesaikan (sekiranya digunakan): i) L1311903 – Sumbangan Badan Berkanun; ii) L1311918 – Biro Perkhidmatan ANGKASA; iii) L1312974 – Terimaan Balik Bayaran Gaji Tahun Semasa; dan. iv) L1311938 – Potongan Pelbagai PTJ hendaklah mengosongkan akaun-akaun penyelesaian ini selewat-lewatnya pada 28 September 2026 (Isnin).

(6) TRANSAKSI PERAKAUNAN

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ
1.	Belanja Menyemak perbelanjaan yang dipertanggungkan di bawah dana am G000.	Laporan Belanja/Hasil – Pilihan Laporan > Transaksi > Laporan Belanja/Hasil	PTJ bertanggungjawab untuk memastikan: i) belanja tidak dipertanggungkan di bawah dana am (G000); ii) tiada belanja yang berbaki kredit; dan iii) membuat pelarasan bagi transaksi perbelanjaan yang berbaki kredit dan perbelanjaan vot mengurus atau pembangunan yang menggunakan kod dana G000 dengan serta-merta selewat-lewatnya pada 28 September 2026 (Isnin).
2.	Hasil Menyemak transaksi hasil	Laporan Belanja/Hasil	PTJ bertanggungjawab untuk memastikan: i) hasil am dipertanggungkan

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ
	yang dipertanggungkan selain di bawah dana am G000.	– Pilihan Laporan > Transaksi > Laporan Belanja/Hasil	di bawah dana am (G000); ii) tiada hasil yang berbaki debit; dan iii) membuat pelarasan bagi transaksi hasil yang berbaki debit dan yang menggunakan kod dana selain daripada G000 dengan serta-merta selewat-lewatnya pada 28 September 2026 (Isnin).
3.	Deposit Menyemak transaksi deposit yang dipertanggungkan di bawah dana am G000.	Laporan Liabiliti – Pilihan Laporan > Transaksi > Laporan Aset/Liabiliti/Ekuiti	PTJ bertanggungjawab untuk memastikan: i) transaksi akaun deposit dipertanggungkan di bawah dana am (G000); dan membuat pelarasan bagi transaksi yang menggunakan kod dana selain daripada G000 dengan serta-merta selewat-lewatnya pada 28 September 2026 (Isnin).

(7) SIJIL PENGESAHAN BAKI (SPB)

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ
1.	Vot Rujukan: SPANM 5 / 2023	i) Laporan Belanja ii) Laporan Kedudukan Vot/Dana	PTJ bertanggungjawab untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi bulan September 2026 kepada Pejabat Perakaunan selewat-lewatnya pada 14 Oktober 2026.
2.	Hasil Rujukan : SPANM 3 / 2025	i) Laporan Hasil ii) Laporan Buku Tunai	PTJ bertanggungjawab untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi bulan September 2026 kepada Pejabat Perakaunan selewat-lewatnya pada 14 Oktober 2026.
3.	Deposit	i) Laporan Liabiliti	PTJ bertanggungjawab untuk mengemukakan Sijil

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMS)	TINDAKAN PTJ
	Rujukan: SPANM 1 / 2023	ii) Laporan Kedudukan Subsidiari iii) Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit	Pengesahan Baki Deposit bagi bulan September 2026 kepada Bahagian Akaun Kementerian masing-masing dan salinkan kepada Pejabat Perakaunan selewat-lewatnya pada 14 Oktober 2026.
4.	Amanah Rujukan: SPANM 4 / 2021	Laporan Kedudukan Dana Amanah	PTJ bertanggungjawab untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Amanah bagi bulan September 2026 kepada Bahagian Akaun Kementerian masing-masing dan salinkan kepada Pejabat Perakaunan selewat-lewatnya 14 hari selepas menerima Laporan FAGLB03 daripada Bahagian Akaun Kementerian.

(8) PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KEMENTERIAN

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMS)	TINDAKAN PTJ
1.	Penggantian EFT ditolak dan cek terbatal dalam tempoh tujuh (7) hari. Rujukan: SPANM 5 / 2023 Lampiran G	Laporan Terperinci Cek/EFT Batal (belum diganti)	PTJ hendaklah menyemak Laporan Terperinci Cek/EFT Batal (belum diganti) setiap hari dan bertanggungjawab untuk membuat penggantian dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh EFT ditolak/cek terbatal. PENTING: Mulai tahun 2022, penggantian EFT ditolak dan cek terbatal dalam tempoh 30 hari telah ditetapkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Akaun Kementerian. PTJ yang gagal mencapai KPI ini dikehendaki untuk memberikan justifikasi kepada Bahagian Akaun Kementerian masing-masing.
2.	Cek Tak Laku (CTL) dibuat penggantian	i) Laporan Daftar Cek Tak Laku Dengan	PTJ hendaklah menyemak Laporan Daftar Cek Tak Laku setiap hari dan bertanggungjawab untuk mendapatkan penggantian CTL

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	LAPORAN DIRUJUK (PORTAL iGFMAS)	TINDAKAN PTJ
	dalam tempoh tujuh (7) hari. Rujukan: SPANM 3 / 2025 Lampiran G1	Gantian & Tanpa Gantian ii) Laporan Tempoh Usia Cek Tak Laku	dalam tempoh tujuh (7) hari. PENTING: Mulai tahun 2022, penggantian CTL dalam tempoh 30 hari telah ditetapkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Akaun Kementerian. PTJ yang gagal mencapai KPI ini dikehendaki untuk memberikan justifikasi kepada Bahagian Akaun Kementerian masing-masing.
3.	Invoice Open Item (ABT) diselesaikan serta merta. Rujukan: SPANM 3 / 2019 Lampiran E	i) Laporan Invois Terperinci ii) Laporan Terperinci Tempoh Usia Hutang	PTJ hendaklah menyemak Laporan Invois Terperinci setiap hari dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan <i>Invoice Open Item (ABT)</i> dengan serta merta. PENTING: Mulai tahun 2022, penyelesaian <i>Invoice Open Item (ABT)</i> dalam tempoh tiga (3) bulan telah ditetapkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Bahagian Akaun Kementerian. PTJ yang gagal mencapai KPI ini dikehendaki untuk memberikan justifikasi kepada Bahagian Akaun Kementerian masing-masing.